

SIARAN MEDIA

SEKURITI MAKANAN – PENGURANGAN PERGANTUNGAN IMPORT MELALUI PROJEK PENANAMAN BAWANG DI MALAYSIA DAN PENCAPAIAN MARDI DI PERTANDINGAN ITEX 2022

SERDANG, 3 Jun 2022 – Yang Berbahagia Dato’ Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) hari ini telah mengadakan Sidang Media Khas – Sekuriti Makanan : Pengurangan pergantungan import melalui projek penanaman bawang di Malaysia dan pencapaian MARDI di Pertandingan Inovasi ITEX 2022.

Isu sekuriti makanan dihadapi banyak Negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Bawang merah merupakan salah satu daripada komoditi yang amat penting di dalam penyediaan makanan di Malaysia. Harga bawang yang tidak stabil dan kos import tinggi menyebabkan bebanan kepada pengguna Malaysia mengimport sepenuhnya bawang dan menjadi antara negara pengimport utama di dunia. Malaysia mengimport sebanyak 484, 867 Mt pada nilai RM902.5 juta pada tahun 2021 bagi memenuhi permintaan pengguna. India menjadi pembekal bawang terbesar di Malaysia (57%), diikuti China (20%) dan Pakistan (11%).

Cabaran utama negara adalah kebergantungan kepada import dan ketidakstabilan harga di pasaran dunia. Isu utama turut sama memainkan peranan iaitu dari kos pengeluaran dan kos operasi yang tinggi, kawasan penanaman yang sesuai adalah terhad dan tiada sumber genetik atau varieti tempatan yang sesuai.

Dalam majlis ini juga, MARDI mengumumkan keputusan pertandingan International Technology & Expo (ITEX) 2022 yang telah berlangsung pada 26 – 27 Mei 2022 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). MARDI telah berjaya merangkul 7 pingat Emas, 2 pingat Perak dan menerima 1 anugerah khas dari Taiwan iaitu “GOLD (Taiwan) – Taiwan Invention Products Promotion Association (TIPPA) AWARD for

Best Invention” menerusi inovasi bertajuk “*Quality Preservation of Durian using Shrink Low-density Film and Low-temperature Storage for Market Expansion*”.

Senarai pingat EMAS bagi teknologi MARDI di ITEX 2022 adalah seperti berikut:

- i. *S.C. FERTPACK - Specific Fertilizer Package for Skuduk-Chupak Paddy Scheme*
- ii. *MRQ 103: A New Fragrant Rice Variety for Healthier Lifestyle*
- iii. *Green Mulched Shredding Machine: An Innovative and Eco-Friendly Approach for Managing Pineapple Residue*
- iv. *AGROZIDETM: A Nano-Fungicide Formulation to Protect Our Grain Corn from Aflatoxin*
- v. *Cauliflower : Cultivation of Temperate Vegetable in Tropical Lowland*
- vi. *Quality Preservation of Durian using Shrink Low-density Film and Low-temperature Storage for Market Expansion*
- vii. *New Innovation of Patin Fish Curd*

Manakala pingat Perak dimenangi bagi teknologi:

- i. *New Asam Pedas Cube Innovation: Convenience & Quick*
- ii. *Superfood Instant Vege Cereal (IVC) : More than Antioxidants Food for the Elderly*

Bagi inovasi *MRQ 103: A New Fragrant Rice Variety for Healthier Lifestyle* MARDI telah memberi Perlesenan Eksklusif kepada Syarikat Padi Pukal Parit 7 Sekinchan bagi tujuan pengkomersialan, manakala inovasi *New Innovation of Patin Fish Curd* – penjualan terus kepada Syarikat JPro Empire Sdn. Bhd. dan *New Asam Pedas Cube Innovation: Convenience & Quick* penjualan terus Syarikat Tajria Food Sdn. Bhd.

Majlis turut dihadiri YBhg. Dato’ Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI dan Barisan Pengurusan Kanan MARDI.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Abdul Rahman bin Abdul Razak

Nur Akmal binti Hassan

019-248 0204 | arar@mardi.gov.my

019-4553 400 | nurakmal@mardi.gov.my



FACT SHEET

BIL.	PERKARA	KENYATAAN
1.	Program	SIDANG MEDIA KHAS BERSAMA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) DAN KETUA PENGARAH MARDI: SEKURITI MAKANAN – PENGURANGAN PERGANTUNGAN IMPORT MELALUI PROJEK PENANAMAN BAWANG DI MALAYSIA DAN PENCAPAIAN MARDI DI PERTANDINGAN ITEX 2022
2.	Tarikh/Hari	03 Jun 2022 (Jumaat)
3.	Masa	9.00 pagi
4.	Tempat	Laman Direktorat, Ibu Pejabat MARDI, Serdang
5.	Aturcara Majlis	<p>8.30 pagi : Ketibaan wartawan / media</p> <p>8.45 pagi : Ketibaan YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani Ketua Pengarah MARDI</p> <p>9.00 pagi : Ketibaan YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan</p> <p>Sidang Media Khas bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan</p> <p>Lawatan ke reruai dan plot penyelidikan bawang</p> <p>10.00 pagi : Minum pagi / Bersurai</p>
6.	CABARAN UTAMA PENANAMAN BAWANG	<p><u>MASALAH UTAMA INDUSTRI BAWANG</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Kebergantungan kepada import terutama dari negara India, China dan Pakistan. Harga yang tidak stabil dan kos import tinggi menyebabkan bebanan kepada pengguna. <p><u>ISU DAN CABARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Kos pengeluaran dan kos operasi yang tinggi. Kawasan penanaman yang sesuai adalah terhad di mana bawang merah sesuai ditanam di kawasan tanah tinggi. Tiada sumber genetik/varieti tempatan yang sesuai.

BIL.	PERKARA	KENYATAAN
7.	STATUS KAJIAN SEMASA BAWANG	<p>Secara umumnya, MARDI telah menjalankan beberapa kajian berkaitan bawang bermula tahun 1970an antaranya melibatkan kajian variety bawang pada tahun 1974; kajian potensi bawang besar di tanah alluvium / tanah bris (1993); kajian keperluan nutrien bawang merah di tanah bris (1994) dan kajian bawang merah di tanah gambut (1998).</p> <p>Merujuk kepada keperluan semasa negara, inisiatif memperkenalkan semula bawang merah melalui penyelidikan telah dijalankan bagi membantu mengurangkan jumlah import negara.</p> <p>Strategi kajian melibatkan :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pembangunan teknologi pengeluaran bawang merah ke arah peningkatan produktiviti, adaptasi tanaman di tanah rendah, pengurangan masalah perosak, penyakit dan kerosakan lepas tuai serta pengukuhan pemasaran. ii. Pengenalpastian/pengadaptasian variety bawang yang tahan panas (sesuai pada cuaca / agroiklim Malaysia) iii. Meningkatkan kecekapan pengeluaran biji benih / bawang tempatan di negara ini. <p>Transformasi industri bawang ke arah industri yang berdaya saing dan mampan akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti, adaptasi tanaman di tanah rendah, pengurangan masalah perosak, penyakit dan minimumkan kerosakan lepas tuai serta pengukuhan pemasaran di dalam memajukan industri sayur-sayuran bagi pasaran tempatan dan juga global.</p> <p>Hasil daripada kajian awal mendapati bahawa 5 variety termasuk satu variety tempatan (hasil kajian terdahulu) mempunyai potensi tinggi untuk dinilai secara lengkap. Berdasarkan kos pembangunan dan pengiraan kos ekonomi menunjukkan bahawa :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Penanaman bawang (1 ha) = 221,300 pokok 2) Tempoh pusingan = 2.5 bulan (75 hari) = bebawang , 3.5 bulan (105 hari) = biji benih 3) Pusingan tanaman = 3 kali setahun 4) Anggaran hasil = 9.2 Mt , selepas curing 6.5 Mt 5) Pengiraan kos pengeluaran/ha:

BIL.	PERKARA	KENYATAAN																																
		<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Butiran</th> <th>Musim 1</th> <th>Musim 2 & 3</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pendapatan Kasar</td> <td>RM42,300</td> <td>RM42,300</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kos Operasi</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Kos bahan input</td> <td>RM22,600*</td> <td>RM15,300</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Kos tenaga kerja</td> <td>RM7,200</td> <td>RM7,200</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Kos pelbagai</td> <td>RM7,500</td> <td>RM7,500</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Jumlah Kos</td> <td>RM35,000</td> <td>RM30,000</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Pendapatan Bersih</td> <td>RM7,300</td> <td>RM12,300</td> </tr> </tbody> </table> <p>*kos input musim 1 : termasuk pengapuran (GML), tidak termasuk pada musim ke-2 & 3</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kos pembangunan / tetap (infra ladang) = RM35,000 / ha ✓ Kos pengeluaran = RM 30,000-35,000 / ha @ RM4.60-5.40 / Kg <p>6) Cadangan harga jualan = RM6.50 / Kg 7) Kadar Pulangan Dalaman (IRR) = 92% 8) Nisbah Faedah Kos (BCR) = RM1.80 (Setiap pelaburan RM 1 dengan pulangan RM0.80) 9) Tempoh Pulangan Modal (TPM / ROI) = 1 tahun – 1 tahun 3 bulan</p>		Butiran	Musim 1	Musim 2 & 3	1.	Pendapatan Kasar	RM42,300	RM42,300	2.	Kos Operasi				Kos bahan input	RM22,600*	RM15,300		Kos tenaga kerja	RM7,200	RM7,200		Kos pelbagai	RM7,500	RM7,500	3.	Jumlah Kos	RM35,000	RM30,000	4.	Pendapatan Bersih	RM7,300	RM12,300
	Butiran	Musim 1	Musim 2 & 3																															
1.	Pendapatan Kasar	RM42,300	RM42,300																															
2.	Kos Operasi																																	
	Kos bahan input	RM22,600*	RM15,300																															
	Kos tenaga kerja	RM7,200	RM7,200																															
	Kos pelbagai	RM7,500	RM7,500																															
3.	Jumlah Kos	RM35,000	RM30,000																															
4.	Pendapatan Bersih	RM7,300	RM12,300																															
8.	PENCAPAIAN MARDI DI PERTANDINGAN ITEX 2022	<p>MARDI telah menyertai pertandingan International Technology & Expo (ITEX) 2022 yang telah berlangsung pada 26 – 27 Mei 2022 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). MARDI merangkul kemenangan 100% dengan tujuh (7) pingat Emas dan dua (2) pingat Perak serta satu (1) anugerah khas.</p> <p>MARDI juga telah berjaya menerima 1 anugerah khas daripada Taiwan iaitu "Taiwan Invention Products Promotion Association (TIPPA) AWARD for Best Invention" menerusi inovasi bertajuk "<i>Quality Preservation of Durian using Shrink Low-density Film and Low-temperature Storage for Market Expansion</i>".</p> <p>Senarai tujuh (7) inovasi MARDI yang mendapat pingat EMAS di ITEX 2022 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Quality Preservation of Durian using Shrink Low-density Film and Low-temperature Storage for Market Expansion</i> ii. <i>S.C. FERPACK - Specific Fertilizer Package for Skuduk-Chupak Paddy Scheme</i> iii. <i>MRQ 103: A New Fragrant Rice Variety for Healthier Lifestyle</i> 																																

BIL.	PERKARA	KENYATAAN
		<p>iv. <i>Green Mulched Shredding Machine: An Innovative and Eco-Friendly Approach for Managing Pineapple Residue</i></p> <p>v. <i>AGROZIDETM: A Nano-Fungicide Formulation to Protect Our Grain Corn from Aflatoxin</i></p> <p>vi. <i>Cauliflower : Cultivation of Temperate Vegetable in Tropical Lowland</i></p> <p>vii. <i>New Innovation of Patin Fish Curd</i></p> <p>Manakala dua (2) inovasi MARDI yang mendapat pingat Perak di ITEX 2022 pula adalah seperti berikut:</p> <p>i. <i>New Asam Pedas Cube Innovation: Convenience & Quick</i></p> <p>ii. <i>Superfood Instant Vege Cereal (IVC) : More than Antioxidants Food for the Elderly</i></p> <p>Status pengkomersialan semasa bagi inovasi/teknologi di atas:</p> <p>i. Padi wangi MRQ103 – secara Perlesenan Eksklusif MARDI : kepada syarikat Padi Pukal Parit 7 (Sekinchan) Sdn. Bhd.</p> <p>ii. <i>New Asam Pedas Cube Innovation: Convenience & -</i> secara Penjualan Terus: kepada syarikat Tajria Food Sdn. Bhd.</p> <p>iii. Patin Fish Curd – secara Penjualan Terus: kepada syarikat JPro Empire Sdn. Bhd.</p>